

## SYARAT-SYARAT YANG MENYOKONG PENGGUNAAN POWERPOINT INTERAKTIF DALAM PENGAJARAN TULISAN JAWI OLEH GURU CEMERLANG DAN MUNSYI JAWI SEKOLAH RENDAH BERDASARKAN TEORI KONDISI ELY

### *CONDITIONS SUPPORTING THE USE OF INTERACTIVE POWERPOINT IN THE TEACHING OF JAWI WRITING BY EXCELLENT TEACHERS AND MUNSYI JAWI IN PRIMARY SCHOOLS BASED ON ELY'S CONDITION OF CHANGE THEORY*

<sup>i</sup>Siti Aisyah Zulkifli, <sup>i</sup>Fariza Khalid, & <sup>i</sup>Lam Meng Chun,

<sup>i</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [P119550@siswa.ukm.edu.my](mailto:P119550@siswa.ukm.edu.my)

#### ABSTRACT

Mastery of Jawi script is an essential component of Islamic Education in primary schools, however, challenges remain as teaching approaches are predominantly teacher-centred and make limited use of interactive technologies. This study aims to examine the level of Interactive PowerPoint integration in the teaching and learning (PdP) of Jawi script by Excellent Islamic Education Teachers (GCPI) and *Munysi* Jawi, while also identifying the presence and influence of Ely's Eight Conditions of Change on its implementation. Employing a qualitative single case study design, two participants were purposively selected. Data were gathered through semi-structured interviews and manually analysed using the Miles and Huberman framework. The findings indicate that although all of Ely's conditions were evident, four factors emerged as the most critical in ensuring the successful and sustainable use of Interactive PowerPoint: teachers' knowledge and skills, commitment, resource availability, and time management. Other factors, such as leadership, incentives, participation, and dissatisfaction with existing practices, were found to play a more complementary rather than decisive role. The study underscores that teachers' technological competence and personal readiness are more crucial in driving innovation in PdP compared to external factors alone. These findings provide practical guidance for Islamic Education teachers in enhancing interactive strategies for teaching Jawi script and offer recommendations for school administrators and policymakers to strengthen training and support for educational technology integration in primary education.

#### Article history:

Submission date: 24 October 2025

Received in revised form: 31 December 2025

Acceptance date: 31 December 2025

Available online: 31 December 2025

#### Keywords:

Ely's Conditions Theory, Jawi Writing, Interactive PowerPoint, Excellent Teacher, Educational Technology

#### Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

#### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

#### Cite as:

Zulkifli, S. A., Khalid, F., & Meng Chun, L. (2025). Syarat-Syarat Yang Menyokong Penggunaan Powerpoint Interaktif Dalam Pengajaran Tulisan Jawi Oleh Guru Cemerlang Dan Munysi Jawi Sekolah Rendah Berdasarkan Teori Kondisi Ely: Conditions Supporting The Use Of Interactive PowerPoint In The Teaching Of Jawi Writing By Excellent Teachers And Munysi Jawi In Primary Schools Based On Ely's Condition Of Change Theory. *Malaysian Journal of Information and Communication Technology (MyJICT)*, 10(2). <https://doi.org/10.53840/myjict10-2-245>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [myjict.uis.edu.my](mailto:myjict.uis.edu.my).

## ABSTRAK

Penguasaan tulisan Jawi merupakan salah satu aspek penting dalam Pendidikan Islam di sekolah rendah, namun cabaran masih wujud apabila pendekatan pengajaran cenderung berpusatkan guru dan kurang memanfaatkan teknologi interaktif. Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap penggunaan PowerPoint Interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) tulisan Jawi oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Munsyi Jawi, di samping mengenal pasti tahap kewujudan lapan kondisi perubahan yang digariskan dalam Teori Ely serta kesannya terhadap keberkesanan pelaksanaan inovasi tersebut. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes tunggal dengan melibatkan dua orang peserta yang dipilih secara purposif. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dan dianalisis secara manual berpandukan kerangka Miles dan Huberman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun kesemua kondisi Ely wujud, empat faktor paling dominan yang mendorong kejayaan penggunaan PowerPoint Interaktif ialah pengetahuan dan kemahiran guru, komitmen, ketersediaan sumber serta pengurusan masa. Faktor lain seperti kepimpinan, ganjaran, penyertaan dan ketidakpuasan terhadap amalan sedia ada didapati lebih berperanan sebagai pelengkap berbanding pemacu utama. Kajian ini memberi implikasi bahawa penguasaan teknologi dan kesediaan peribadi guru lebih kritikal dalam menjayakan inovasi PdP berbanding faktor luaran semata-mata. Dapatan ini diharapkan dapat memberi panduan praktikal kepada guru Pendidikan Islam dalam memperkukuh strategi pengajaran tulisan Jawi secara interaktif serta menyediakan asas cadangan kepada pihak pentadbir dan pembuat dasar untuk meningkatkan latihan dan sokongan berkaitan teknologi pendidikan di sekolah.

**Kata Kunci:** *Teori Kondisi Ely, Tulisan Jawi, Powerpoint Interaktif, Guru Cemerlang, Teknologi Pendidikan*

## Pengenalan

Penggunaan tulisan Jawi dalam pendidikan Islam di sekolah rendah memainkan peranan penting dalam memelihara khazanah budaya dan identiti Melayu-Islam. Tulisan ini bukan sekadar sistem tulisan, malah menjadi medium utama penyebaran ilmu, dakwah dan warisan peradaban Islam di Alam Melayu sejak berabad lamanya (Mohd et al., 2024). Keunggulannya terserlah melalui penggunaannya dalam bidang pentadbiran, kesusasteraan, dan penulisan ilmiah sebelum era tulisan Rumi. Namun, setelah pengenalan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi negara melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963, penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda, semakin terhakis (Abdullah & Aziz, 2020). Akibatnya, berlaku penurunan tahap celik Jawi dalam kalangan pelajar, seperti keupayaan membaca dan menulis Jawi yang secara langsung menjejaskan kefahaman terhadap teks agama seperti ayat al-Quran dan hadis yang masih banyak menggunakan tulisan Jawi (Che Siah, 2007; Norizan & Nor Azan, 2013).

Sebagai respons terhadap cabaran ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah proaktif dengan mengembalikan elemen tulisan Jawi dalam *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Semakan 2017*. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini tidak terlepas daripada cabaran. Antara isu utama ialah tahap penguasaan tulisan Jawi yang masih rendah dalam kalangan murid, meskipun mereka telah mengikuti pengajaran Jawi sejak Tahun 1. Kajian oleh Saimon et al. (2023) mendapati bahawa majoriti murid menghadapi kesukaran dalam mengecam huruf Jawi, menyambung huruf dengan betul, dan menulis perkataan mudah secara lengkap. Fenomena ini turut disokong oleh pelbagai dapatan kajian lepas yang menegaskan bahawa kelemahan ini berpunca daripada strategi pengajaran yang tidak bersesuaian, kurang interaktif serta tidak menyokong perkembangan literasi abad ke-21 (Tamyis et al., 2021). Kekangan ini membuktikan bahawa pelaksanaan konvensional perlu ditambah baik dengan pendekatan yang lebih inovatif dan kontekstual.

Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan pengajaran tulisan Jawi, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada keberkesanan kandungan atau bahan pengajaran tanpa memberi perhatian kepada dimensi pelaksana inovasi iaitu guru itu sendiri (Saemah & Siti Fatimah, 2008). Tambahan pula, pengajaran tulisan Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam masih dilaksanakan secara tradisional dan berpusatkan guru, tanpa pendekatan visual, kontekstual dan teknologi interaktif yang dapat menyokong pembelajaran murid secara lebih berkesan (Mohamad Yusof & Zulkifli, 2021).

Munirah & Kamariah, (2022) menegaskan seorang pendidik perlu melibatkan pelbagai kaedah pengajaran dan memanfaatkan teknologi supaya dapat memudahkan pemahaman murid. Sehubungan itu, integrasi teknologi pendidikan dilihat sebagai salah satu inisiatif berpotensi untuk meningkatkan keberkesanan PdP tulisan Jawi. Antara alat yang sering digunakan ialah PowerPoint Interaktif, yang berupaya mempersembahkan bahan secara visual, auditori dan animasi interaktif. Teknologi ini dilihat bukan sahaja mampu meningkatkan tumpuan dan minat murid, tetapi juga boleh membantu menjelaskan konsep huruf dan sambungan dalam Jawi secara lebih jelas dan sistematik (Sharul et al, 2020; Saidin et al., 2023; Sien & Nur, 2025). Namun begitu, keberkesanan penggunaan PowerPoint Interaktif dalam PdP tidak hanya bergantung kepada teknologi semata-mata, malah turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor persekitaran dan organisasi.

Dalam konteks Revolusi Industri 4.0 dan Dasar Pendidikan Digital Kebangsaan 2023, guru seharusnya mengintegrasikan teknologi pendidikan secara berkesan dalam pengajaran, termasuk dalam pengajaran tulisan Jawi. Tambahan pula, pelaksanaan pengajaran Jawi oleh guru sering kali berorientasikan kaedah tradisional yang berpusatkan guru, kurang menggunakan pendekatan visual dan teknologi interaktif (Mohamad Yusof & Zulkifli, 2021).

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inovasi PowerPoint Interaktif ini, satu kerangka teori yang sesuai perlu dirujuk. Dalam hal ini, *Teori Lapan Kondisi Perubahan* oleh Donald Ely (1999) menawarkan panduan praktikal untuk menilai sama ada persekitaran sesebuah institusi bersedia menerima dan menyokong inovasi teknologi. Teori ini menekankan bahawa bagi sesebuah inovasi pendidikan seperti penggunaan PowerPoint Interaktif dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan, lapan syarat perubahan perlu dipenuhi, iaitu: (1) ketidakpuasan terhadap status quo, (2) pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, (3) ketersediaan sumber, (4) ketersediaan masa, (5) ganjaran atau insentif, (6) penyertaan, (7) komitmen, dan (8) kepimpinan.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti elemen-elemen lapan kondisi Ely tersebut dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Munsyi Jawi di sekolah rendah, dalam usaha menyokong pelaksanaan PowerPoint Interaktif dalam pengajaran tulisan Jawi. Penilaian ini penting bukan sahaja untuk memahami faktor-faktor kejayaan, tetapi juga untuk merangka strategi pengajaran Jawi yang lebih mampan, relevan, dan lestari dalam menghadapi cabaran pendidikan alaf ke-21. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- a. Mengetahui tahap penggunaan PowerPoint Interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi oleh guru cemerlang dan Munsyi Jawi di sekolah rendah.
- b. Mengetahui sejauh manakah lapan kondisi Ely memberi kesan terhadap tahap penggunaan PowerPoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi oleh guru cemerlang dan Munsyi Jawi.

Kajian ini diharap dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang tahap kesediaan dan pelaksanaan inovasi Powerpoint Interaktif dalam kalangan guru Pendidikan Islam, serta menyumbang kepada penambahbaikan strategi pengajaran tulisan Jawi yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

## Sorotan Literatur

Kajian-kajian lampau menunjukkan bahawa tahap pencapaian murid dalam penguasaan Jawi masih berada pada tahap yang rendah. Kelemahan ini tidak hanya terbatas pada peringkat sekolah rendah tetapi juga berlarutan sehingga ke sekolah menengah. Kajian Abdul Halim Tamuri et al. (2004) mendapati bahawa tahap penguasaan membaca dan menulis tulisan jawi berada pada tahap sederhana iaitu 67.8%. Nahar dan Safar (2016) turut mendapati bahawa tahap pencapaian pelajar sekolah menengah dalam tulisan Jawi masih berada pada tahap yang lemah. Selain itu, Sabariah, Nurul Fazlina dan Norhanishaa (2021) melaporkan bahawa ramai murid tidak mampu menyalin atau menulis huruf Jawi dengan baik disebabkan kekurangan latihan berterusan serta kesukaran memahami sistem tulisan ini yang terus berkembang dan mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Dapatan empirikal terkini daripada kajian Saimon et al (2023) turut menyokong kenyataan ini. Kajian di Sekolah Kebangsaan Kota Raja, misalnya, mendapati bahawa terdapat murid yang dikategorikan sebagai tidak mahir dan kurang mahir dalam menulis serta membaca Jawi. Seramai 11 orang murid (25%) dikenal pasti tidak mahir dalam ujian menulis Jawi, manakala 7 orang murid (16%) pula tidak lancar dalam membaca teks Jawi. Dapatan ini penting kerana


ia menunjukkan bahawa kelemahan dalam penguasaan Jawi tidak dapat diselesaikan hanya dengan intervensi di peringkat sekolah rendah. Isu ini berterusan dan memerlukan perhatian yang lebih serius di peringkat yang lebih tinggi. Kelemahan penguasaan Jawi di peringkat awal boleh membawa kesan berpanjangan terhadap pencapaian akademik murid pada tahap seterusnya. Oleh itu, penguasaan awal Jawi merupakan asas penting bagi memastikan kejayaan pelajar dalam memahami keseluruhan kandungan pembelajaran Pendidikan Islam.

Terdapat beberapa faktor kelemahan jawi telah dikenalpasti antaranya daripada kajian Daros (1981) mendapati bahawa kekurangan pengajaran yang berkesan menyebabkan minat pelajar terhadap Jawi menurun, sekali gus menjejaskan tahap penguasaan mereka. Md. Sahmilin (2012) juga mendapati kelemahan murid berpunca daripada kaedah pengajaran guru yang kurang sesuai. Dalam konteks pemilihan kaedah, Sharipah Amalhayaty Syed Ahmad (2015) menekankan bahawa kesesuaian sesuatu pendekatan mampu menjadikan murid lebih berminat untuk belajar. Sebaliknya, penggunaan kaedah tradisional yang bersifat sehalu seperti chalk and talk telah terbukti menyebabkan murid cepat bosan dan tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran (Nahar & Safar, 2016). Kajian-kajian seterusnya turut memberi tumpuan kepada persepsi dan motivasi murid terhadap Jawi. Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019) mendapati bahawa murid menganggap Jawi sebagai sesuatu yang sukar difahami kerana proses pembelajaran terlalu berorientasikan hafalan dan penyalinan semata-mata. Dapatan ini sejajar dengan kajian Ibrahim et al., (2019) yang menunjukkan bahawa kekurangan aktiviti interaktif dalam pembelajaran menyebabkan murid mudah hilang minat. Kajian-kajian lepas mencadangkan agar pengajaran Jawi diperkaya dengan aktiviti seperti permainan, pertandingan penulisan, dan penggunaan teknologi untuk meningkatkan keterlibatan murid.

Justeru, PowerPoint Interaktif membolehkan guru menyampaikan bahan pembelajaran secara visual dan auditori dengan ciri animasi, pautan interaktif, serta aktiviti yang membolehkan murid memberi maklum balas secara langsung semasa sesi PdP. Ini berbeza dengan PowerPoint asas yang hanya membolehkan paparan slaid linear tanpa unsur interaktif, seterusnya memberi pengalaman pembelajaran yang pasif kepada murid. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan PowerPoint Interaktif dapat meningkatkan tumpuan, motivasi, serta pemahaman murid terhadap huruf dan perkataan Jawi dengan lebih berkesan (Sharul et al., 2020; Saidin et al., 2023; Sien & Nur, 2025). Oleh itu, integrasi teknologi seperti PowerPoint Interaktif bukan sekadar menggantikan bahan tradisional, tetapi merupakan strategi pedagogi yang membolehkan pengajaran Jawi menjadi lebih kontekstual, interaktif, dan sesuai dengan keperluan abad ke-21, sejajar dengan dasar pendidikan digital dan Revolusi Industri 4.0.

Terdapat pelbagai teori dan model perubahan yang boleh diaplikasikan dalam bidang pengurusan, organisasi dan juga Pendidikan bagi menilai keberkesanan serta kaedah pelaksanaan sesuatu perubahan. Antaranya ialah Knoster Change Model, McKinsey 7S Model, Prosci ADKAR Model, DREC Model, Kanter Model of Change, Stephen Covey Change Management Model, Gleicher's Model of Change, dan Porras and Robertson Model of Change. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati terdapat beberapa model yang lebih meluas digunakan dalam konteks kajian pendidikan iaitu Kotter's 8-Step Change Model, Lewin's Three-Stage Change Model, dan Concerns-Based Adoption Model (CBAM).


Kotter's 8-Step Change Model atau Model Perubahan Kotter (1996, 2007) menekankan lapan langkah sistematik dalam memimpin transformasi organisasi. Langkah-langkah tersebut ialah: (i) mewujudkan rasa mendesak (*create a sense of urgency*), (ii) membentuk gabungan berpengaruh (*build a guiding coalition*), (iii) membangunkan visi dan strategi (*form a vision and strategy*), (iv) mengkomunikasikan visi perubahan (*communicate the vision*), (v) memberi kuasa kepada tindakan meluas (*empower broad-based action*), (vi) menjana kejayaan jangka pendek (*generate short-term wins*), (vii) menggabungkan kejayaan untuk lebih banyak perubahan (*consolidate gains and produce more change*), dan (viii) membudayakan pendekatan baharu (*anchor new approaches in the culture*).



**Rajah 1:** Kerangka Kotter’s 8-Step Change Model atau Model Perubahan Kotter (1996, 2007)

Kajian oleh Dang dan Nguyen (2023) di sekolah menengah di Hanoi, Vietnam, menunjukkan bahawa model ini berpotensi menyokong pengurusan sekolah dalam menghadapi perubahan pendidikan berskala besar. Melalui temu bual dan soal selidik, dapatan mereka membuktikan bahawa penciptaan rasa mendesak serta strategi yang jelas mampu membantu kepimpinan sekolah melaksanakan inovasi secara lebih terancang. Pemilihan Kotter’s Change Model dalam kajian tersebut adalah kerana ia menyediakan kerangka konsisten yang boleh diikuti pemimpin pendidikan dalam proses perubahan, bermula daripada perancangan, pelaksanaan, hingga penilaian (Dang & Nguyen, 2023).


Lewin’s Three-Stage Change Model pula menjelaskan perubahan melalui tiga peringkat utama, iaitu *unfreezing* (mewujudkan keperluan untuk berubah), *changing* (melaksanakan perubahan), dan *refreezing* (mengukuhkan serta mengekalkan perubahan) (Lewin, 1947).



**Rajah 2:** Lewin’s Three-Stage Change Model

Vasel (2024), dalam kajian ke atas sekolah Arab-Israel, mendapati bahawa pelaksanaan perubahan organisasi pendidikan melalui inovasi pedagogi dipengaruhi oleh faktor budaya, kepercayaan pedagogi guru, kepimpinan sekolah, dan dasar pendidikan. Halangan utama yang dikenal pasti adalah penentangan budaya, perasaan stagnasi, serta kekurangan sokongan institusi. Pemilihan Model Lewin adalah kerana penekanannya terhadap aspek psikologi, sosial, dan budaya, menjadikannya relevan untuk memahami transformasi berasaskan nilai dalam persekitaran pendidikan yang kompleks dan berbilang budaya (Vasel, 2024).

Seterusnya, Concerns-Based Adoption Model (CBAM), yang dibangunkan oleh Hall, Wallace dan Dossett (1973), menilai tahap penerimaan individu terhadap inovasi pendidikan melalui tiga dimensi utama, iaitu *Stages of Concern (SoC)*, *Levels of Use (LoU)*, dan *Innovation Configurations (IC)* (Hall & Hord, 2015).



**Rajah 3:** Concerns-Based Adoption Model (CBAM)

Model ini membantu penyelidik mengenal pasti kebimbangan, tahap penggunaan, dan bentuk pelaksanaan inovasi oleh guru, sekali gus memberi gambaran menyeluruh tentang penerimaan inovasi


dalam bilik darjah. Kajian Rusmawaty, Hermagustiana dan Sunardi (2022) misalnya, meneroka pengalaman guru Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL) terhadap pelaksanaan e-pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan terdapat guru yang menjadi *early adopters*, manakala sebahagian lain menolak disebabkan halangan teknikal, kurang latihan, serta keraguan tentang keberkesanan e-pembelajaran. CBAM dipilih kerana ia mampu menjelaskan kebimbangan guru dari sudut teknikal hingga kepada keberkesanan pengajaran, serta menyediakan strategi intervensi yang sesuai untuk menyokong penerimaan inovasi (Rusmawaty et al., 2022).

Walaupun model perubahan seperti Kotter's Change Model, Lewin's Three-Stage Change Model, dan CBAM memberi sumbangan penting dalam memahami proses perubahan organisasi dan inovasi pendidikan, pengkaji menganggap Ely's Conditions of Change paling sesuai untuk konteks kajian ini. Hal ini kerana Kotter dan Lewin lebih menekankan perubahan pada tahap organisasi secara makro, melibatkan kepimpinan, budaya dan struktur institusi, manakala CBAM pula memberi tumpuan khusus kepada tahap kebimbangan dan penerimaan guru terhadap inovasi. Namun, kesemua model ini tidak secara langsung menggariskan syarat-syarat praktikal yang perlu dipenuhi bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inovasi pendidikan dalam bilik darjah.

Sebaliknya, Ely (1990, 1999) menekankan lapan syarat perubahan yang bersifat konkrit dan boleh diukur, iaitu iaitu:

- i. Ketidakpuasan terhadap status quo: Wujudnya rasa tidak puas hati dalam kalangan guru terhadap pendekatan PdP sedia ada mendorong kesediaan berubah.
- ii. Pengetahuan dan kemahiran: Guru perlu mempunyai tahap literasi teknologi dan pedagogi yang relevan.
- iii. Sumber: Kewujudan kemudahan teknologi, bahan bantu mengajar, dan platform digital yang menyokong.
- iv. Masa: Perlu ada ruang masa yang cukup bagi guru merancang, mencuba, dan menilai penggunaan teknologi.
- v. Komitmen: Ketersediaan emosi dan profesional guru untuk melaksanakan perubahan secara konsisten.
- vi. Ganjaran atau Insentif: Pengiktirafan atau ganjaran yang mendorong guru untuk terus menggunakan teknologi dalam PdP.
- vii. Penyertaan: Guru diberi suara dalam menentukan hala tuju penggunaan teknologi serta kerjasama antara rakan sejawat.
- viii. Kepimpinan: Galakan, pemantauan, dan bantuan daripada pentadbir sekolah atau pihak atasan.

Kerangka Ely menjadi asas penting dalam kajian ini kerana ia membolehkan pengkaji menyusun instrumen temu bual serta menganalisis dapatan dengan lebih sistematik dan berfokus. Berdasarkan kerangka ini, tiga aspek utama diberi perhatian. Pertama, kajian meneliti tahap penerapan lapan syarat perubahan Ely dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Munsyi Jawi, bagi mengenal pasti sejauh mana faktor dalaman dan luaran mempengaruhi kesediaan mereka menggunakan inovasi. Kedua, kajian menelusuri amalan terbaik dalam pelaksanaan PdP tulisan Jawi menggunakan PowerPoint Interaktif, termasuk cara guru menyesuaikan pendekatan teknologi dengan keperluan murid. Ketiga, kajian meneliti strategi inovatif yang dapat menyokong keberkesanan PdP berasaskan teknologi dalam konteks Pendidikan Islam di sekolah rendah. Berikut adalah rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.



**Rajah 4:** Kerangka konseptual kajian

Melalui pendekatan ini, kerangka Ely tidak hanya berperanan sebagai panduan metodologi, tetapi juga sebagai bingkai konseptual untuk memahami secara lebih holistik faktor kejayaan dan kekangan yang wujud dalam pelaksanaan PowerPoint Interaktif. Kesannya, kajian ini bukan sahaja mampu menghubungkan teori dengan amalan, malah dapat memperlihatkan dimensi kritikal yang menjelaskan bagaimana inovasi teknologi dapat diperkukuh dalam konteks pendidikan Islam kontemporari.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes tunggal secara eksploratori dan deskriptif berasaskan pendekatan kualitatif bagi menyelidik penggunaan PowerPoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) yang turut diiktiraf sebagai Munsyi Jawi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Temu bual separa berstruktur digunakan untuk menilai tahap penggunaan serta penerapan lapan syarat perubahan berdasarkan Teori Kondisi Ely. Peserta kajian dipilih secara pensampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) berdasarkan kriteria berikut:

- i. Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia; atau
- ii. Munsyi Jawi yang diiktiraf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP);
- iii. Bertugas sebagai guru sekolah rendah; |Mempunyai pengalaman mengajar tulisan Jawi sekurang-kurangnya 5 tahun;
- iv. Aktif menggunakan PowerPoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi;
- v. Bersedia untuk ditemu bual dan berkongsi dokumen berkaitan bahan pengajaran.

Berdasarkan kriteria tersebut, seramai dua orang peserta dipilih untuk kajian ini. Peserta pertama ialah seorang Munsyi Jawi lelaki dari Pahang yang berusia 53 tahun, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, dan mempunyai pengalaman mengajar selama 15 tahun. Peserta kedua ialah seorang Guru Cemerlang Pendidikan Islam perempuan dari Johor yang berusia 29 tahun, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, serta berpengalaman mengajar selama 6 tahun.

Temu bual dijalankan secara atas talian melalui Google Meet, dengan setiap sesi berdurasi sekitar satu jam. Instrumen dibina berdasarkan lapan syarat perubahan Ely meliputi kesediaan, sumber, kemahiran, masa, sokongan, komitmen, kepercayaan terhadap inovasi, dan insentif. Instrumen ini melalui proses semakan pakar dan ujian rintis bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan. Data dianalisis secara manual berpandukan kerangka Miles dan Huberman untuk mengenal pasti corak pelaksanaan, cabaran, serta keberkesanan penggunaan PowerPoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi.

Walaupun kajian ini dilaksanakan secara sistematik, beberapa limitasi metodologi perlu diambil kira dalam mentafsir dapatan kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes tunggal dengan bilangan peserta yang terhad, iaitu dua orang Guru Pendidikan Islam yang memiliki kepakaran khusus sebagai Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Munsyi Jawi. Justeru, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan secara statistik kepada keseluruhan populasi guru Pendidikan Islam sekolah rendah, sebaliknya berfungsi untuk memberikan pemahaman mendalam terhadap fenomena penggunaan PowerPoint Interaktif dalam pengajaran tulisan Jawi berdasarkan konteks sebenar pelaksanaan. Dari perspektif kebolehgunaan (*transferability*), dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan secara analitik dan konseptual oleh penyelidik atau pengamal pendidikan dalam konteks yang mempunyai ciri persekitaran yang hamper serupa, khususnya dari segi sokongan pentadbiran sekolah, ketersediaan infrastruktur teknologi dan tahap kesediaan guru terhadap mengintegrasikan teknologi pendidikan secara berkesan dalam pengajaran tulisan Jawi.

## Dapatan Kajian

### *Dapatan 1: Tahap Penggunaan Powerpoint Interaktif Dalam PdP*

Dapatan ini adalah bagi menyokong pencapaian objektif kajian yang pertama, iaitu untuk mengenal pasti tahap penggunaan PowerPoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi oleh guru-guru yang mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang Pendidikan Islam. Hasil analisis transkrip temu bual menunjukkan beberapa corak penggunaan PowerPoint Interaktif dalam PdP, termasuklah dari segi kaedah persembahan, kekerapan penggunaan, reka bentuk bahan bantu, dan impak terhadap pemahaman murid. Bagi aspek kekerapan, Peserta kajian 1 (PK01) yang merupakan seorang Munsyi Jawi menyatakan bahawa kekurangan kemudahan seperti LCD projektor dan komputer menyebabkan penggunaan PowerPoint Interaktif hanya dilakukan secara berkala. Manakala Peserta kajian 2 (PK02) turut menekankan bahawa penggunaan teknologi seperti PowerPoint bergantung kepada kesesuaian masa dan keperluan sesi pengajaran. Walaupun penggunaan PowerPoint Interaktif tidak berlaku secara menyeluruh, kedua-dua peserta menyatakan bahawa bahan tersebut sering digunakan pada bahagian kandungan utama pengajaran, terutamanya semasa menerangkan konsep huruf Jawi, kedudukan titik, serta proses penyambungan huruf.

*“Dalam kelas tak ada LCD projector... jarang-jarang lah... dalam bengkel sahaja... setiap minggu lah seminggu 2 kali...”* (PK01)

*“Kalau sempat, kita guna teknologi... kalau tak sempat, kita explain biasa je.”* (PK02)

Selain itu, kedua-dua peserta juga menggunakan bahan PowerPoint sebagai asas untuk menghasilkan video interaktif bagi pembelajaran sendiri murid. Ia selari dengan pendekatan *flip classroom*, di mana murid diberi akses awal kepada kandungan sebelum sesi interaktif berlaku secara langsung bersama guru. Dalam konteks tujuan penggunaan, dapatan turut menunjukkan bahawa PowerPoint Interaktif digunakan dalam pelbagai aktiviti PdP yang bersifat visual, auditori dan kinestetik, selaras dengan pendekatan interaktif.

Pada keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap penggunaan PowerPoint Interaktif masih berada pada tahap sederhana, tidak sepenuhnya digunakan secara konsisten dalam PdP tulisan Jawi. Penggunaan bergantung kepada ketersediaan fasiliti, tahap kemahiran guru, serta faktor masa dan bahan bantu mengajar yang sesuai. Walaupun guru menunjukkan minat terhadap teknologi ini, cabaran teknikal dan beban persediaan menyebabkan penggunaannya tidak menyeluruh.

### *Dapatan 2: Tahap Kewujudan Lapan Kondisi Ely dalam Menyokong Penggunaan Powerpoint Interaktif Dalam PdP Tulisan Jawi*

Pelaporan dapatan dalam bahagian ini disusun mengikut urutan lapan kondisi Ely, dengan menekankan tema utama, petikan temu bual yang relevan, serta interpretasi berdasarkan pengalaman peserta kajian. Fokus utama adalah untuk mengenal pasti sejauh mana kesemua kondisi ini wujud dalam konteks pengajaran tulisan Jawi menggunakan PowerPoint Interaktif, dan bagaimana kondisi tersebut menyokong pelaksanaan inovasi tersebut dalam bilik darjah.

Bagi kondisi pertama, Ketidakpuasan terhadap Status Quo (*Dissatisfaction with Status Quo*), dapatan awal kajian menunjukkan bahawa guru cemerlang dan Munsyi Jawi yang terlibat dalam kajian ini tidak sepenuhnya menolak pendekatan konvensional dalam pengajaran tulisan Jawi, sebaliknya menekankan keperluan untuk memperbaharui kaedah sedia ada supaya lebih sesuai dengan tahap keupayaan murid dan perkembangan teknologi semasa. Guru menyatakan bahawa pendekatan “*chalk and talk*” masih digunakan, tetapi penggunaannya dilihat kurang sesuai jika tiada penyesuaian terhadap keperluan murid masa kini.

Bagi kondisi kedua, aspek yang diteliti adalah sejauh mana guru memiliki pengetahuan asas mengenai fungsi PowerPoint Interaktif serta tahap kemahiran mereka dalam menghasilkan dan menggunakan bahan tersebut semasa pengajaran tulisan Jawi. Dapatan temubual menunjukkan bahawa guru telahpun memiliki pengetahuan asas tentang fungsi PowerPoint, namun kemahiran berkaitan ciri interaktif diperoleh melalui inisiatif sendiri dan minat mendalam terhadap teknologi pendidikan. Guru menyatakan bahawa sebelum menggunakan PowerPoint Interaktif dalam PdP Jawi, kedua-dua peserta kajian sudah terbiasa dengan penggunaan PowerPoint asas untuk tujuan penyampaian maklumat umum. Namun, fungsi-fungsi seperti animasi huruf, pemsamaan audio, dan elemen kuiz mula dikuasai secara berperingkat hasil daripada pembelajaran sendiri.

Seterusnya kondisi ketiga iaitu ketersediaan sumber, hasil temubual menunjukkan bahawa tahap penyediaan sumber teknologi adalah berbeza antara sekolah, yang secara langsung mempengaruhi konsistensi dan keberkesanan penggunaan PowerPoint Interaktif. PK01 mengalami kekangan fasiliti seperti projektor dan bergantung kepada inisiatif sendiri, manakala PK02 mendapat sokongan penuh daripada pihak sekolah melalui penyediaan Smart TV, Wi-Fi, dan ruang pembelajaran yang lengkap. Namun begitu, kedua-dua peserta kajian tetap berjaya menggunakan teknologi yang ada dengan cara tersendiri, bergantung kepada kreativiti, keperluan murid, dan ketersediaan sumber di sekolah masing-masing.

Kondisi keempat, ketersediaan masa, dapatan kajian menunjukkan bahawa masa merupakan cabaran sederhana dalam penggunaan PowerPoint Interaktif untuk PdP tulisan Jawi. Kedua-dua peserta kajian mengakui bahawa masa 30 minit yang diperuntukkan untuk subjek Jawi adalah terhad, namun mereka tetap berusaha menyesuaikan penggunaan bahan digital dalam tempoh yang ada. PK01 menggunakan pendekatan berperingkat dan pengalaman sedia ada untuk mengurangkan beban penyediaan, manakala PK02 lebih terancang dan teliti dalam penyediaan walaupun mengakui ia memerlukan masa tambahan. Secara ringkas, kekangan masa tidak menjadi penghalang utama, namun ia menuntut pengurusan masa yang bijak, kreativiti dan fleksibiliti guru dalam merancang PdP yang menarik dan berkesan.

Kemudian, kondisi ganjaran atau insentif secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa ganjaran dan insentif memainkan peranan dalam menyemarakkan motivasi guru, namun tidak menjadi faktor tunggal dalam mendorong penggunaan PowerPoint Interaktif. Guru seperti PK01 lebih terdorong oleh inisiatif sendiri dan kepuasan profesional, manakala PK02 pula melihat pengiktirafan rasmi sebagai pemangkin untuk terus berkongsi dan menyumbang idea baharu. Namun, kekurangan insentif formal di peringkat sekolah dilihat sebagai ruang penambahbaikan yang wajar diberi perhatian untuk memastikan amalan inovatif ini lebih meluas dan lestari dalam pengajaran tulisan Jawi.

Bagi kondisi penyertaan, dapatan menunjukkan bahawa tahap penyertaan guru dalam aspek kolaboratif dan perbincangan profesional berkaitan penggunaan PowerPoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi masih rendah dan bersifat individu. Walaupun kedua-dua peserta kajian menunjukkan inisiatif yang tinggi secara peribadi, mereka tidak mendapat sokongan atau penglibatan yang meluas daripada rakan sekerja. Malahan, tiada platform formal seperti *Professional Learning Community* (PLC) atau pasukan kolaboratif yang khusus untuk PdP tulisan Jawi dikenal pasti dalam dapatan ini. Hal ini menyukarkan proses penyebaran amalan terbaik secara sistematik dan berpotensi menyekat impak inovasi secara menyeluruh.

Kondisi keenam dalam Teori Kondisi Perubahan Ely (1999) menekankan komitmen dalam kalangan pelaksana inovasi, iaitu komitmen guru merujuk kepada kesungguhan, motivasi dalaman dan kesediaan guru untuk melaksanakan inovasi secara konsisten, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua peserta kajian menunjukkan tahap komitmen yang tinggi dalam

menggunakan PowerPoint Interaktif untuk PdP tulisan Jawi. Walaupun menghadapi cabaran dari segi masa dan reka bentuk bahan, guru tetap gigih menghasilkan bahan sendiri, mengubah suai slaid mengikut keperluan murid dan menyesuaikan teknik agar lebih berkesan. Motivasi utama mereka berpunca daripada keinginan untuk melihat peningkatan murid dan menjadikan PdP lebih menarik. Komitmen ini menjadi asas penting dalam kejayaan pelaksanaan inovasi, seperti yang ditekankan oleh Ely (1999).

Kondisi seterusnya adalah kepimpinan, Dapatan menunjukkan perbezaan ketara tahap kepimpinan dan sokongan pentadbiran antara dua peserta kajian. PK01 beroperasi secara individu tanpa pengiktirafan mahupun insentif daripada pihak sekolah, manakala PK02 mendapat akses kepada bilik khas, studio pengajaran serta kelulusan menyertai kursus luar. Sokongan pentadbiran terbukti berperanan penting dalam membina motivasi, menyediakan ruang inovasi dan menyokong keberkesanan pelaksanaan teknologi dalam bilik darjah. Keseluruhannya, sokongan pihak sekolah merupakan salah satu faktor yang dapat memperkukuh atau membantutkan pelaksanaan PowerPoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi.

### ***Dapatan 3: Kesan Lapan Kondisi Ely Terhadap Penggunaan Powerpoint Interaktif dalam PdP Tulisan Jawi***

Sebagai pelengkap kepada analisis tahap kewujudan lapan kondisi Ely, kajian ini turut meneroka persepsi guru terhadap kepentingan relatif setiap syarat dalam menyokong penggunaan PowerPoint Interaktif. Dua soalan utama diajukan iaitu: (1) sama ada kegagalan memenuhi salah satu syarat akan memberi kesan terhadap pelaksanaan, dan (2) apakah syarat paling utama untuk kelestarian penggunaan teknologi ini. Penilaian tahap Tinggi, Sederhana, dan Rendah dilakukan berdasarkan persepsi guru mengenai kepentingan relatif setiap kondisi Ely dalam menyokong PdP. Penilaian ini tidak berbentuk kuantitatif, sebaliknya berpandukan data temu bual dan penilaian subjektif guru, yang seterusnya diringkaskan ke dalam tiga kategori tahap tersebut bagi memudahkan pemahaman dan interpretasi dapatan. Seterusnya, responden turut diminta menyusun keutamaan lapan syarat Ely mengikut persepsi masing-masing, jadual perbandingan keutamaan kedua-dua peserta kajian seperti berikut:

**Jadual 1:** Kondisi Keutamaan Peserta Kajian

| <b>Kedudukan</b> | <b>PK01</b>             | <b>PK02</b>             |
|------------------|-------------------------|-------------------------|
| 1                | Pengetahuan & Kemahiran | Pengetahuan & Kemahiran |
| 2                | Komitmen                | Masa                    |
| 3                | Sumber                  | Sumber                  |
| 4                | Masa                    | Komitmen                |
| 5                | Penyertaan              | Kepimpinan              |
| 6                | Ganjaran/Insentif       | Status Quo              |
| 7                | Kepimpinan              | Penyertaan              |
| 8                | Status Quo              | Ganjaran/Insentif       |

Kedua-dua peserta kajian jelas meletakkan faktor dalaman guru sebagai penentu utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan komitmen berbanding faktor luaran seperti ganjaran atau kepimpinan. Kedua-dua peserta menekankan bahawa Pengetahuan & Kemahiran adalah syarat paling kritikal dan berada di tahap paling tinggi. Sumber kekal pada kedudukan ketiga, menunjukkan ia penting tetapi tidak mengatasi kompetensi guru. Status Quo dan Ganjaran atau Insentif berada di kedudukan terakhir, membuktikan guru ini tidak terlalu bergantung pada amalan lama atau insentif untuk meneruskan inovasi. Ini menunjukkan bahawa dalam konteks guru cemerlang dan Munsyi Jawi, penguasaan teknologi dan kesediaan peribadi lebih kritikal berbanding insentif atau sokongan luaran semata-mata.

Sebagaimana dinyatakan, kedua-dua peserta menekankan bahawa Pengetahuan & Kemahiran adalah syarat paling kritikal dan berada di tahap paling tinggi. Kedua-dua peserta kajian menekankan bahawa pengetahuan asas tentang fungsi PowerPoint Interaktif dan kemahiran teknikal dalam membina bahan adalah prasyarat utama keberkesanan PdP tulisan Jawi. Kekurangan kemahiran boleh menghadkan kreativiti, manakala penguasaan yang baik membolehkan guru menghasilkan bahan yang menarik dan interaktif. Akhir sekali, kondisi yang berada di kedudukan dan kesan yang rendah adalah ketidakpuasan terhadap status quo. Kedua-dua peserta kajian bersetuju bahawa mereka tidak memilih untuk

meninggalkan kaedah *chalk-and-talk*, tetapi menyatakan dan menekankan pentingnya mempelbagaikan medium pengajaran untuk elakkan kebosanan murid. Hal ini secara tidak langsung juga menunjukkan bahawa kedua-dua peserta tidak terikat dengan kaedah lama dan bersedia menggunakan teknologi. Berikut jadual kesimpulan tahap dan kesan kondisi Ely berdasarkan hasil kajian:

**Jadual 2:** Kesimpulan Tahap Dan Kesan Kondisi Ely

| Bil | Kondisi Ely              | PK01      | PK02      | Takrifan  |
|-----|--------------------------|-----------|-----------|---|
| 1.  | Ketidakpuasan Status Quo | Sederhana | Sederhana | Tidak menjadi pemacu utama inovasi, peserta kajian tidak menolak keberkesanan amalan sedia ada, sebaliknya mencuba dan menambah pendekatan PdP baharu bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran. |
| 2.  | Pengetahuan & Kemahiran  | Tinggi    | Tinggi    | Faktor paling kritikal; kemahiran teknikal dan pedagogi jadi asas kejayaan inovasi.   |
| 3.  | Sumber                   | Tinggi    | Tinggi    | Faktor ketiga paling kritikal; kemudahan dan bahan sokongan memudahkan integrasi.   |
| 4.  | Masa                     | Tinggi    | Tinggi    | Faktor keempat kritikal; kekangan masa PdP diatasi dengan adaptasi guru.  |
| 5.  | Komitmen                 | Tinggi    | Tinggi    | Faktor kedua paling kritikal; dorongan intrinsik guru tinggi walaupun ada kekangan.   |
| 6.  | Ganjaran                 | Sederhana | Sederhana | Berperanan sebagai motivasi tambahan tetapi bukan faktor penentu utama.   |
| 7.  | Penyertaan               | Rendah    | Rendah    | Kedua-dua peserta kajian menajalankan inovasi secara individu, maka pengaruh terhadap inovasi lebih terhad.   |
| 8.  | Kepimpinan               | Rendah    | Tinggi    | Sokongan pentadbir tidak konsisten; berfungsi hanya sebagai pelengkap, bukan penentu.   |

Berdasarkan jadual 2, dapat dirumuskan bahawa guru tidak menolak keberkesanan amalan pengajaran sedia ada, sebaliknya lebih cenderung untuk mencuba pendekatan baharu seperti penggunaan PowerPoint interaktif bagi menambah baik keberkesanan PdP tulisan Jawi. Hal ini menunjukkan bahawa wujud budaya keterbukaan dalam kalangan guru untuk memperkayakan kaedah pengajaran tanpa menafikan nilai kaedah tradisional. Pendekatan ini sejajar dengan ciri kepimpinan instruksional serta pelaksanaan *Professional Learning Community* (PLC) yang menekankan kepada penambahbaikan berterusan, kolaborasi profesional dan kesediaan untuk menerima inovasi pendidikan.

## Perbincangan

### *Tahap Penggunaan Powerpoint Interaktif Dalam PdP Tulisan Jawi*

Perbincangan bahagian ini merujuk kepada objektif kajian pertama iaitu meneroka tahap penggunaan PowerPoint Interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) tulisan Jawi oleh Guru Cemerlang dan Munsyi Jawi di sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan PowerPoint Interaktif bukan sahaja terhad kepada fungsi asas seperti paparan teks dan imej, tetapi turut dimanfaatkan sebagai medium interaktif melalui integrasi elemen kuiz, animasi, pautan video, dan aktiviti interaktif secara langsung di dalam bilik darjah namun begitu dapatan berada pada tahap sederhana, dan bukan suatu amalan tetap.

Peserta kajian menyatakan bahawa penggunaan PowerPoint bergantung kepada ketersediaan fasiliti (seperti LCD projektor dan komputer), masa, serta keperluan isi pelajaran. Misalnya, PK01 (Munsyi Jawi) hanya menggunakan PowerPoint secara berkala, khususnya dalam bengkel atau sesi khas, manakala PK02 (Guru Cemerlang) lebih memilih menggunakan PowerPoint apabila terdapat ruang masa yang mencukupi. Kedua-dua responden sependapat bahawa PowerPoint interaktif bermanfaat untuk memvisualkan isi pelajaran Jawi, tetapi kekangan teknikal dan beban persediaan menyebabkan ia tidak dapat digunakan secara konsisten. Dapatan ini berbeza dengan kajian antarabangsa (Schmid et al., 2018; Smith & Brown, 2019; Zhang et al., 2021) yang melaporkan penggunaan PowerPoint interaktif berlaku secara kerap dan konsisten, terutama pada fasa set induksi dan penutup pembelajaran. Dalam konteks luar negara, penyediaan infrastruktur teknologi yang lebih mantap membolehkan guru mengintegrasikan bahan digital

hampir setiap kali sesi PdP berlangsung. Sebaliknya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa di sekolah rendah Malaysia, khususnya dalam pengajaran tulisan Jawi, penggunaan masih berada pada tahap sederhana kerana faktor kemudahan prasarana dan masa.

Walau bagaimanapun, dapatan ini selari dengan kajian tempatan oleh Othman (2016) dan Matlan & Maat (2021), yang menekankan bahawa keberkesanan teknologi dalam bilik darjah bergantung kepada tahap sokongan infrastruktur serta kesediaan guru. Kajian oleh Hussin et al. (2021) juga menyatakan bahawa PdP yang menggunakan bahan digital memerlukan masa persediaan yang lebih panjang, sesuatu yang sukar dicapai dalam rutin PdP yang padat. Dapatan kajian bagi objektif pertama ini memberikan beberapa implikasi penting terhadap pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah rendah. Dari sudut teori pembelajaran multimedia, meskipun penggunaan PowerPoint interaktif tidak berlaku secara konsisten dalam semua sesi PdP, penggunaannya tetap memberi kesan positif terhadap keberkesanan pembelajaran. Hal ini seiring dengan prinsip *dual-channel* yang dikemukakan oleh Mayer (2009), iaitu proses pembelajaran akan menjadi lebih bermakna apabila maklumat disampaikan melalui saluran visual dan auditori secara serentak. Dari sudut praktikal, dapatan ini membuktikan bahawa keberkesanan penggunaan PowerPoint interaktif tidak bergantung sepenuhnya kepada perisian atau alat itu sendiri, tetapi sangat ditentukan oleh konteks penggunaannya dan keupayaan guru dalam menyesuaikan dengan keperluan pengajaran.

Implikasi dapatan memperlihatkan hubungan rapat antara teori, amalan dan dasar pendidikan, dengan menegaskan bahawa teknologi hanyalah alat; keberkesananannya sangat bergantung pada kebijaksanaan guru dalam menggunakannya serta sokongan dasar pendidikan yang memastikan penyediaan fasiliti ICT dan latihan berterusan kepada guru agar penggunaannya dapat dilaksanakan secara lebih konsisten dan berkesan.

#### ***Tahap Kewujudan Lapan Kondisi Ely dan Kesan dalam Menyokong Penggunaan Powerpoint Interaktif dalam PdP Tulisan Jawi***

Bahagian ini membincangkan tahap kewujudan lapan kondisi perubahan yang dikemukakan oleh Donald Ely dalam konteks pelaksanaan PowerPoint Interaktif oleh Guru Cemerlang dan Munsyi Jawi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun semua kondisi ini wujud dalam persekitaran pengajaran, tahap kekuatan dan kesannya berbeza mengikut konteks sekolah, pengalaman guru, dan sokongan organisasi. *Lapan kondisi itu adalah:* (1) ketidakpuasan terhadap status quo, (2) pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, (3) ketersediaan sumber, (4) ketersediaan masa, (5) ganjaran atau insentif, (6) penyertaan, (7) komitmen, dan (8) kepimpinan. Daripada lapan kondisi ini, ada empat kondisi yang dikenal pasti memberi Kesan besar terhadap pelaksanaan PowerPoint Interaktif.

Guru yang dapat menyampaikan ilmu dengan baik dan berkesan akan dapat menghasilkan pelajar yang mampu menguasai kemahiran Jawi dengan baik dan dapat mencapai tahap yang tinggi dalam pelajaran. Oleh itu, kedua-dua peserta kajian menekankan bahawa pengetahuan dan kemahiran adalah syarat paling kritikal dan berada di tahap paling tinggi dimana pengetahuan asas tentang fungsi PowerPoint Interaktif dan kemahiran teknikal dalam membina bahan adalah prasyarat utama keberkesanan PdP tulisan Jawi. Kekurangan kemahiran boleh menghadkan kreativiti, manakala penguasaan yang baik membolehkan guru menghasilkan bahan yang menarik dan interaktif. Hal ini disokong kajian Lim et al., (2024) yang menyimpulkan bahawa teknologi menawarkan peluang untuk memperkaya pengalaman pembelajaran, menjadikannya lebih menarik dan interaktif.

Kajian oleh Hassan & A. Ghani (2022) mendapati bahawa komitmen guru mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan bilik darjah. Kajian ini selari dengan hasil kajian kerana kondisi komitmen diletakkan sebagai antara kondisi terpenting oleh peserta kajian untuk terus menggunakan PowerPoint Interaktif walaupun berdepan kekangan, ia telah terbukti menjadi faktor penentu kelangsungan amalan ini. Guru yang berkomitmen tinggi sanggup meluangkan masa tambahan untuk menyediakan bahan, menyesuaikan kandungan mengikut tahap murid, dan melakukan penambahbaikan berterusan. Maka, komitmen dalam kondisi Ely ini antara kondisi yang berada di tahap tinggi memberi kesan secara langsung terhadap kajian ini.

Walaupun Pengetahuan dan Kemahiran serta Komitmen menjadi pemacu utama, keberkesanan penggunaan PowerPoint Interaktif juga sangat bergantung kepada ketersediaan sumber dan peruntukan

masa yang mencukupi. Akses kepada peralatan seperti projektor, komputer, dan sambungan internet yang stabil membolehkan guru melaksanakan PdP dengan lancar dan mengelakkan penangguhan akibat masalah teknikal. Hal ini adalah penting kerana kajian oleh Raman et al. (2019) mendapati bahawa sekolah luar bandar sering menghadapi kekurangan infrastruktur ICT seperti komputer dan internet berkelajuan tinggi, berbanding sekolah bandar yang lebih lengkap dari segi prasarana. Geoffrey et al. (2024) turut menegaskan bahawa jurang sumber ini membantutkan penggunaan teknologi secara efektif dalam kalangan guru di kawasan luar bandar, sekali gus menjejaskan keberkesanan pengajaran. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini memperlihatkan bahawa walaupun sumber tidak mencukupi sepenuhnya, guru masih berjaya melaksanakan inovasi melalui sokongan inisiatif peribadi. Ini menandakan bahawa keberadaan sumber hanyalah salah satu daripada syarat perubahan yang dicadangkan oleh Ely (1999), tetapi bukan satu-satunya faktor penentu. Dengan kata lain, kekurangan sumber dapat diimbangi oleh faktor lain seperti kompetensi guru, kesediaan, dan kepercayaan terhadap keberkesanan inovasi.

Dari sudut masa, perancangan yang teliti membolehkan guru mengoptimumkan tempoh PdP untuk memasukkan aktiviti interaktif tanpa mengorbankan kandungan pembelajaran. Kajian lepas secara konsisten menunjukkan bahawa kekangan masa merupakan cabaran utama dalam pelaksanaan inovasi pendidikan berasaskan teknologi. Raman et al. (2019) menegaskan bahawa guru sering berdepan dengan beban tugas pentadbiran yang tinggi, sehingga mengurangkan masa yang sepatutnya diperuntukkan untuk merancang dan menyediakan bahan pengajaran berasaskan ICT. Dapatan Muhammad, Kamil, dan Hui (2025) menguatkan lagi hujah ini dengan menunjukkan bahawa masa yang singkat memaksa guru mempercepatkan pengajaran, mengehadkan aktiviti pengukuhan, dan secara tidak langsung menjejaskan tahap kefahaman murid. Secara ringkas, kedua-dua peserta kajian ini menekankan kekangan masa tidak menjadi penghalang utama, namun ia menuntut pengurusan masa yang bijak, kreativiti dan fleksibiliti guru dalam merancang PdP yang menarik dan berkesan. Kesemua dapatan ini membawa implikasi bahawa pengurusan masa yang sistematik adalah prasyarat bagi kejayaan pelaksanaan inovasi teknologi dalam bilik darjah.

Selain daripada empat kondisi utama ini, faktor lain seperti Ganjaran dan Insentif, Kepimpinan, Ketidakpuasan terhadap Status Quo, serta Penyertaan turut memberi pengaruh sebagai faktor pelengkap. Walaupun impaknya tidak sebesar empat kondisi utama, faktor-faktor ini berperanan sebagai penyokong yang membantu mewujudkan persekitaran positif untuk inovasi PdP. Contohnya, sokongan kepimpinan sekolah dan pengiktirafan kepada guru mampu meningkatkan motivasi, manakala ketidakpuasan terhadap kaedah konvensional mendorong mereka mencuba pendekatan baharu. Kesemua faktor ini secara kolektif mewujudkan ekosistem PdP yang lebih inovatif dan berkesan.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap persepsi guru berhubung lapan kondisi Ely memperlihatkan bahawa setiap syarat mempunyai peranan tersendiri dalam menyokong pelaksanaan PowerPoint Interaktif, dan tiada satu pun yang boleh diketepikan sepenuhnya. Namun demikian, tahap keutamaan bagi setiap kondisi adalah berbeza bergantung pada konteks sekolah, latar belakang, dan pengalaman individu guru. Pengetahuan dan kemahiran dikenal pasti sebagai syarat teras yang menjadi asas kukuh kepada keberkesanan integrasi PowerPoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi, kerana ia bukan sahaja mempengaruhi keupayaan guru menghasilkan bahan yang berkualiti, malah menentukan keberkesanan penyampaian isi pelajaran kepada murid.

Walaupun faktor masa, sumber, dan komitmen turut memberikan sumbangan kepada kejayaan pelaksanaan, dapatan kajian menunjukkan bahawa inisiatif peribadi guru, tahap penguasaan teknologi, serta kesediaan untuk menyesuaikan diri dengan kemudahan yang ada mampu menjadi pemangkin utama, walaupun sokongan daripada pihak sekolah berada pada tahap minimum. Dalam hal ini, motivasi dalaman dan komitmen yang tinggi berperanan besar dalam memastikan kelangsungan penggunaan teknologi.

Kesimpulannya, kesan lapan kondisi Ely terhadap tahap penggunaan PowerPoint Interaktif membuktikan bahawa Pengetahuan & Kemahiran serta Komitmen merupakan faktor dominan yang menjamin keberlanjutan penggunaan dalam jangka panjang. Sumber dan Ketersediaan Masa pula berfungsi sebagai faktor sokongan yang membantu melancarkan proses PdP, manakala Ganjaran Penyertaan, dan Status Quo didapati memberi pengaruh yang lebih rendah terhadap kesinambungan amalan tersebut. Berikut adalah rajah kesimpulan akhir bagi kondisi Ely yang memberi pengaruh terhadap penggunaan Powerpoint Interaktif dalam PdP tulisan Jawi.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan PowerPoint Interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Jawi memberikan impak positif. Inovasi ini bukan sahaja membantu guru menyampaikan isi pelajaran dengan lebih sistematik dan meningkatkan kemahiran murid, malah turut berjaya merangsang minat mereka terhadap mata pelajaran Jawi.

Penemuan utama turut menegaskan bahawa Lapan Kondisi Ely merupakan kerangka rujukan yang penting dalam mengenal pasti faktor kejayaan serta cabaran yang wujud dalam usaha mengintegrasikan teknologi di bilik darjah. Antara elemen yang paling signifikan menyumbang kepada keberkesanan penggunaan PowerPoint Interaktif ialah tahap pengetahuan dan kemahiran guru, komitmen terhadap pelaksanaan inovasi, serta sokongan berbentuk masa dan sumber.

Dapatan kajian ini turut memperlihatkan bahawa guru berperanan sebagai agen perubahan yang kritikal dalam memastikan kejayaan inovasi PdP. Kesediaan peribadi dan penguasaan teknologi dalam kalangan guru dilihat lebih utama berbanding faktor infrastruktur semata-mata. Sehubungan itu, implikasi kajian ini memberi penekanan kepada pihak berkepentingan seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Institut Pendidikan Guru (IPG), dan pihak pentadbir sekolah untuk memperkukuh latihan berfokus, menyediakan sokongan teknikal, serta mengurus masa secara lebih fleksibel demi menyokong inovasi PdP. Selain itu, sumbangan kajian ini turut mengisi kelompangan literatur sedia ada, khususnya dalam konteks PdP tulisan Jawi berasaskan Model Ely di sekolah rendah Malaysia. Kajian ini bukan sahaja memberikan panduan amali kepada guru, tetapi juga menawarkan asas bagi pembentukan polisi pendidikan yang menyokong integrasi teknologi secara sistematik dan berkesan.

Namun demikian, keterbatasan kajian ini perlu diakui kerana hanya melibatkan dua orang peserta, iaitu seorang Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan seorang Munsyi Jawi. Saiz sampel yang kecil ini menyukarkan generalisasi dapatan terhadap keseluruhan populasi guru Pendidikan Islam di Malaysia. Oleh itu, kajian ini lebih sesuai dilihat sebagai kajian eksploratori yang meneliti pengalaman mendalam individu berbanding memberi gambaran menyeluruh.

Bagi kajian masa hadapan, dicadangkan agar skop diperluaskan dengan melibatkan lebih ramai peserta daripada pelbagai negeri dan latar belakang sekolah. Kaedah penyelidikan bercampur (mixed methods) juga wajar dipertimbangkan bagi menghasilkan data yang lebih komprehensif. Selain itu, penyelidikan lanjutan boleh turut memberi fokus kepada pemboleh ubah lain seperti tahap literasi teknologi murid atau peranan sokongan komuniti sekolah.

Sehubungan itu, kajian ini diharapkan menjadi titik tolak kepada transformasi PdP tulisan Jawi yang lebih interaktif, kreatif, dan inklusif. Selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi kognitif, afektif, dan psikomotor, hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan dalam memacu amalan PdP yang bukan sahaja memenuhi keperluan abad ke-21, tetapi juga memperkukuh warisan bahasa dan tulisan Jawi sebagai identity budaya bangsa.

## Penghargaan

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada peserta kajian yang sudi ditemubual serta memberi kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan kajian ini.

## Rujukan

- Abdullah, Z., & Aziz, A. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan: Abandonment of Jawi Script as a Symbol of Malay Identity: A Case Observation Research. *the Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2), 244–255. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152>
- Abdul Halim Tamuri et al. (2004). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan JAPIM.
- Che Siah Che Man. (2007). Pendekatan Pengajaran Jawi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- D. P. Ely, "Conditions that Facilitate the Implementation of Educational Technology Innovations," *Journal on Research on Computing in Education*, Vol. 23, No. 2, 1990, pp. 298-305.

- Dang, V. H., & Nguyen, C. T. (2023). Applying the Kotter change management model in high school education: Some initial results in Hanoi, Vietnam. University of Education, Vietnam National University, Hanoi.
- Daros, I. (1981). Faktor-faktor Yang Menyebabkan Pelajar-pelajar Di Peringkat Menengah Melakukan Kegiatan Ponteng Sekolah, Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Geoffrey, Norshamshizar Abdul Jalil, & Marlissa Omar. (2024, March). Pengintegrasian Teknologi dalam Pendidikan: Cabaran Guru (Contrastive Analysis Technological Integration... ResearchGate; UiTM Press, Universiti Teknologi MARA. [https://www.researchgate.net/publication/379084171\\_Pengintegrasian\\_Teknologi\\_dalam\\_Pendidikan\\_Cabaran\\_Guru\\_Contrastive\\_Analysis\\_Technological\\_Integration\\_in\\_Education\\_Challenges\\_for\\_Educators](https://www.researchgate.net/publication/379084171_Pengintegrasian_Teknologi_dalam_Pendidikan_Cabaran_Guru_Contrastive_Analysis_Technological_Integration_in_Education_Challenges_for_Educators)
- Hall, G. E., & Hord, S. M. (2015). Implementing change: Patterns, principles, and potholes (4th ed.). Boston: Pearson Higher Ed.
- Hall, G. E., Wallace, R. C., & Dossett, W. A. (1973). A developmental conceptualization of the adoption process within educational institutions. Austin, TX: University of Texas Research and Development Center for Teacher Education.
- Hassan, H., & A.Ghani, M. F. (2022). Pengaruh Komitmen Guru Dan Penyeliaan Guru Besar Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Di Sekolah Rendah Daerah Tenom, Sabah. JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 9(1), 56–76. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/35159>
- Hussin, M. N., Wazir, R., & Abd. Rahman, K. A. (2021). Kajian Awal Tentang Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Jurnal Pengajian Islam, 14(1), 148–159.
- Ibrahim, R., Embong, R., Kadir, F. K. A., & Hashim, H. A. (2019). Pemerksaan Tulisan Jawi Dahulu dan Kini. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (E-ISSN: 2600-9080), 2(1), 29–37. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/44>
- Kotter, J. P. (1996). Leading change. Harvard Business School Press.
- Lewin, K. (1947). Frontiers in group dynamics. Human Relations, 1(2), 143–153.
- Lim, G. F., Jalil, N. A., Hidup, D. S. A., & Omar, M. (2024). Pengintegrasian Teknologi dalam Pendidikan: Cabaran Guru. International Journal of Modern Languages And Applied Linguistics, 8(1), 49-67. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijmal/article/view/24217>
- Matlan, S. J., & Maat, S. M. (2021). Penggunaan Aplikasi Quizizz Sebagai Alternatif Penilaian Formatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(4), 217–227.
- Mayer, R. E. (2009). Multimedia learning (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Mohamad Yusof, M. R., & Zulkifli, H. (2021). Tahap Kefahaman dan Kemahiran Pengajaran Matapelajaran Jawi dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs, 5(1), 39–45. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.87>
- Mohd, Muhammad, M., Mohd Fadzil Kamarudin, Muhammad Zaim Esrati, & Mohd Hasrul Kamarulzaman. (2024). Tahap Penguasaan Tulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas. International Journal of Advanced Research in Education and Society, 6(1), 274–283. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijares/article/view/25915>
- Muhammad, Kamil, A., & Hui, Y. S. (2025). Strategi, Cabaran Dan Kaedah Mengatasi Pelaksanaan Pendekatan Tematik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (Strategies, Challenges and Methode to Overcome the Implementation of the Thematic Approach in Teaching Malay Language Teachers in Chinese National Type Schools). Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 15(2), 89–107. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/404>
- Munirah Madzlan & Kamariah Abu Bakar. (2022). Kemahiran dan motivasi guru serta keberkesanan terhadap penggunaan Telegram dan Whatsapp dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7(9), e001761. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1761>
- Nahar, N & Safar, J. (2016). Pengajaran Jawi Berkesan Dalam Usaha Memartabatkan Warisan Budaya Bangsa. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraziah Mohd Amin & Noor Azam Abdul Rahman. (2019). Persepsi Pelajar Melayu UNITEN Terhadap Pembelajaran Tulisan Jawi Di Pelbagai Peringkat Pendidikan Di Malaysia. Sains Insani. <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/75/74>

- Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin. (2013). Kaedah pengajaran dan pembelajaran asas Jawi bagi kanak-kanak prasekolah. *ESTEEM Academic Journal*. Vol. 9, No. 2, December 2013, 28-38.
- Othman, N. (2016). The Relationship Between Repeated Use of Educational Technologies and Academic Achievement. *Asian Journal of Educational Research*, 4(1), 56-74.
- Rahman, Mhd Habibu, and Rita Kencana. "Implementasi model pembelajaran kooperatif dalam meningkatkan perkembangan sosial anak usia dini." *Musamus Journal of Primary Education* 2, no. 2 (2020): 67-75. <https://doi.org/10.35724/musjpe.v2i2.2177>
- Rusmawaty, D., Hermagustiana, I., & Sunardi, S. (2022). An exploration of EFL teachers' perceptions and experiences of e-learning implementation through the concern-based adoption model. *International Journal of Education in Mathematics, Science, and Technology*, 10(3), 599–614. <https://doi.org/10.46328/ijemst.2554>
- Saemah Rahman, and Siti Fatimah Mohd. Yassin, (2008) Kemahiran mengakses dan mempelajari bahan hiperteks dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 33 . pp. 81-94. ISSN 0126-6020 / 2180-0782
- Saidin, N. F., Bukhari, N. A. M., & Yue, W. S. (2023). Penggunaan Teknologi Multimedia Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia. *Journal of Issue in Education*, 46, 44–57. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JIIE/article/view/50226>
- Saimon, A., Sheikh Mohd Fauzi, S. N., Zafri, N. Z., Ibrahim, N. A. I., & Abd Halim, N. A. (2023). Tahap penguasaan Tulisan Jawi dalam kalangan murid tahun 4 di sekolah Kota Raja, Panchor, Muar, Johor. *PENDETA*, 14(2), 71–82. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.6.2023>
- Schmid, R. et al. (2018). Enhancing Student Engagement with Interactive Presentations. *Educational Technology Research and Development*, 66(4), 1021-1035.
- Sharipah Amalhayaty Syed Ahmad. (2015) Penggunaan kaedah Fonik dalam pengajaran kemahiran bacaan awal kanak-kanak prasekolah. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sharul Azim Sharudin, Normah Mustaffa & Shahrul Nazmi Sanusi. (2020). Peranan Infografik Dalam Meningkatkan Kesedaran Kesihatan Belia Daripada Perspektif Pereka Grafik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of Communication*, Jil.36(1),356-368
- Sien, Y., & Nur. (2025). Variasi Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 oleh Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Di Tenom, Sabah dan Cabaran Pelaksanaannya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 9(1), 1–17. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/631>
- Smith, J., & Brown, L. (2019). Frequency and Impact of Interactive Technology in Classroom Settings. *Journal of Educational Multimedia and Hypermedia*, 28(2), 137-155.
- Tamyis, M. M., Suppian, Z., & Ghazali, N. H. C. M. (2021). Jawi Field in Elementary School Islamic Education Curriculum: One Analysis of Literature. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 48–64. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.5.2021>
- Vasel, H. (2024). Factors shaping the implementation of educational organizational change: An analysis of Lewin's model in the context of teaching innovations. Faculty of Education, Beit Berl College, Israel; Faculty of Education, University of Haifa, Israel.
- Zhang, Y., et al. (2021). Long-Term Effects of Technology-Integrated Instruction on Literacy Skills. *Journal of Educational Psychology*, 113(6), 1034-1048.